

SULIT



**Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2021/2022**

Julai/Ogos 2022

HSM503 – Sejarah Sosio-Ekonomi Malaysia

Masa : 24 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA** (3) muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **TIGA** (3) soalan. Jawab SATU (1) soalan daripada Bahagian A, Bahagian B dan Bahagian C. Jika calon menjawab lebih daripada TIGA (3) soalan hanya TIGA (3) soalan pertama mengikut susunan dalam skrip jawapan akan diberikan markah.

...2/-

SULIT

- 2 -

Bahagian A

1. "Kemaraan kuasa kolonial British di Tanah Melayu sejak penghujung kurun ke-18 untuk mengimbangi perdagangan dengan China dibantu oleh pedagang negeri (*country traders*).” Berdasarkan pernyataan tersebut, **analisiskan** kegiatan pedagang negeri sehingga membantu menjayakan perluasan ekonomi British.

[100 markah]

2. "Dasar ekonomi di bawah imperialisme Jepun hanya membawa kesengsaraan terhadap masyarakat tempatan." Berdasarkan pernyataan tersebut, **analisiskan** masalah-masalah sosioekonomi yang dihadapi oleh masyarakat tempatan sama ada di Tanah Melayu, Sabah ATAU Sarawak.

[100 markah]

3. "Bagi menjana ekonomi, pihak penjajah mempunyai tiga pilihan iaitu memaksa peribumi bekerja, manipulasi struktur cukai atau eksplotasi buruh imigran." Anda dikehendaki untuk **menganalisis** setiap pilihan yang ada dalam pelaksanaannya di Tanah Melayu.

[100 markah]

- 3 -

Bahagian B

4. J. M. Gullick (1987) menerusi bukunya bertajuk *Malay Society in the Late Nineteenth Century: The Beginnings of Change* menyatakan sosioekonomi masyarakat Melayu mula memperlihatkan perkembangan ke arah yang lebih moden menjelang tahun 1920-an. Nilaikan secara kritis pernyataan tersebut.

[100 markah]

5. "Dasar Ekonomi Baru (DEB) bertujuan membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum." Terangkan secara kritis apakah DEB berjaya mencapai tujuannya?

[100 markah]

Bahagian C

6. "Setiap kumpulan buruh mempunyai cara tersendiri untuk menzahirkan kepentingan mereka terhadap majikan." Terangkan bentuk-bentuk perlawanan buruh tempatan dan buruh imigran terhadap majikan mereka di Tanah Melayu.

[100 markah]

- oooOooo -